

TREND KENUPSIALAN WANITA DI SEMENANJUNG MALAYSIA: SATU KAJIAN DARI ASPEK HIMPITAN PERKAHWINAN

(Nuptiality Trend for Women in Peninsular Malaysia: A Study from the Aspect of Marriage Squeeze)

MARINA ZAHARI, WAN NORSIAH MOHAMED & LAI LEE KUNG

ABSTRAK

Ketakseimbangan jantina dalam kalangan lelaki dan wanita yang belum berkahwin telah membawa kepada fenomena himpitan perkahwinan. Secara amnya, fenomena ini berlaku seiring dengan arus pembangunan negara. Dengan menggunakan data Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia, satu kajian telah dijalankan untuk mengesan aspek himpitan perkahwinan di Malaysia. Keputusan awal kajian mendapati fenomena yang diukur wujud berdasarkan penunjuk nisbah jantina di Semenanjung Malaysia. Lanjutan daripada dapatan tersebut, ciri-ciri demografi dan sosioekonomi wanita belum berkahwin dikenal pasti menggunakan model regresi logistik. Faktor yang didapati mempunyai hubungan yang bererti dengan status perkahwinan ialah taraf pendidikan, jenis keluarga atau isi rumah, status pekerjaan, umur dan tempat tinggal. Secara khususnya, wanita yang tinggal sendiri, berpendidikan tinggi dan bekerja terutamanya sebagai majikan cenderung untuk lewat berkahwin. Lebih menarik lagi, kesan bagi sebahagian daripada faktor-faktor tersebut ke atas status perkahwinan berbeza mengikut kumpulan etnik.

Kata kunci: Himpitan perkahwinan; status perkahwinan; nisbah jantina

ABSTRACT

Gender imbalance among single males and females has led to the “marriage squeeze” phenomenon. Generally, this event arises in parallel with the rapid development of a nation. Using the data from the National Population and Family Development Board and Jabatan Perangkaan Malaysia, a study to detect marriage squeeze in Malaysia was conducted. An early finding of the study confirmed the existence of this phenomenon in Peninsular Malaysia as measured by a sex-ratio-based indicator. Subsequently, the demographic and socioeconomic traits of single women were identified using a logistic regression model. Factors found to be significantly related to marital status were education level, type of family or household, working status, age, and place of residence. Women who were living alone, highly educated, and working as an employer were more inclined to delay marriage. Notably, the effects of some of these factors on the marital status differed according to the ethnic groups.

Keywords: Marriage squeeze; marital status; sex ratio

1. Pengenalan

Status dan peranan wanita telah mengalami perubahan yang ketara sejak beberapa dekad yang lalu. Pencapaian wanita dalam pelbagai aspek guna tenaga seperti pendidikan, kesihatan, politik, pembuatan keputusan dan sebagainya telah membawa kepada perubahan peranan wanita sebagai isteri, ibu dan pekerja. Dengan corak kehidupan yang kian berubah, fenomena berkahwin lewat dan membujang telah mula menjadi trend hidup masyarakat terutamanya di negara-negara maju. Perkahwinan di usia lewat atau tidak berkahwin secara langsung menyebabkan penurunan fertiliti dan seterusnya membawa kepada penuaan populasi, satu situasi apabila peratusan populasi pada usia muda semakin berkurangan. Usia lewat ketika perkahwinan pertama menyebabkan penurunan kadar kelahiran kasar kerana kelewatan

berkahwin akan melambatkan kelahiran anak. Ini melebarkan jurang antara generasi dan seterusnya melambatkan peningkatan populasi (Syed Abdul Razak 2009).

Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa peningkatan ekonomi negara mendorong kepada peningkatan umur ketika berkahwin. Dengan kata lain, peningkatan ekonomi berupaya menjana peluang pendidikan dan pekerjaan yang seterusnya mendorong wanita untuk melewati perkahwinan atau untuk tidak berkahwin. Perubahan struktur keluarga dan penangguhan untuk berkahwin didapati berlaku di 10 buah negara-negara di Asia Timur dan Asia Tenggara termasuk Malaysia, Jepun, Hong Kong, Korea dan Singapura. Negara-negara ini mempunyai pendapatan per kapita dan Indeks Pembangunan Manusia tertinggi menunjukkan kecenderungan tinggi terhadap penangguhan perkahwinan dengan perkadaran yang rendah bagi kumpulan wanita umur 20-24 tahun. Ini berbeza dengan jiran-jirannya, Indonesia, Filipina dan Thailand yang mempunyai indeks yang lebih rendah (Quah 2003).

Selain daripada peningkatan ekonomi, terdapat juga faktor-faktor lain yang mempengaruhi umur perkahwinan pertama. Contohnya, peperangan saudara yang berlangsung dari 1975 hingga 1990 di Lebanon telah menyebabkan kadar migrasi dan kematian yang tinggi dalam kalangan kaum lelaki. Akibatnya, kaum wanita yang masih bujang di negara tersebut menghadapi himpitan perkahwinan ("marriage squeeze") ekoran daripada peningkatan umur ketika berkahwin, satu perkara yang tidak lazim berlaku dalam kalangan negara Arab (Saxena *et al.* 2004). Himpitan perkahwinan didefinisikan sebagai kesan akibat ketidakseimbangan antara bilangan lelaki dan wanita pada ketika umur perkahwinan asas (Akers 1967). Istilah tersebut digunakan untuk menerangkan perkadaran lelaki bujang yang semakin tinggi di Amerika Syarikat (Kielcolt & Fossett 1997; Akers 1967) disebabkan ketidakseimbangan pada nisbah jantina. Kewujudan himpitan tersebut telah mempengaruhi corak taburan perkahwinan; ia bukan sahaja menyebabkan penangguhan untuk berkahwin malahan juga membawa kepada prospek untuk terus tidak berkahwin. Guttentag dan Secord (1983) dan Oppenheimer (1988) pula telah menyentuh bagaimana kehadiran pasangan hidup dapat mempengaruhi keinginan untuk berkahwin. Pendekatan yang lazim digunakan untuk mengukur himpitan perkahwinan ialah nisbah jantina atau Nisbah Pasangan Tersedia (NP) iaitu nisbah bagi bilangan wanita bagi setiap 100 lelaki (Akers 1967) yang akan diterangkan dengan lebih lanjut di bahagian *Kaedah dan Skop Kajian*. Samaiyar (2004) telah menjalankan kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi himpitan perkahwinan serta kesannya di India untuk tempoh 30 puluh tahun (1961 – 1991). Beliau mendapati bahawa penurunan fertiliti dan kematian, jurang umur suami isteri dan larangan perkahwinan semula balu dan duda merupakan antara penyebab himpitan perkahwinan. Manakala kesannya pula ialah pembujangan, poligami dan peningkatan hantaran perkahwinan daripada isteri kepada suami.

Di Malaysia, kebanyakan kajian yang dijalankan adalah menumpu kepada tahap fertiliti wanita (Syed Abdul Razak 2009) dan kesan ke atas corak kekeluargaan (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia 1999; 2000) yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pelajaran, umur pasangan ketika berkahwin serta tempat tinggal selepas berkahwin (Tan & Jones 1990). Perubahan kenupsialan di Semenanjung Malaysia telah dikaji dari segi trend perkahwinan bagi tiga kaum utama untuk tempoh 1970-2000 (Tey 2007), dan juga pembangunan sosial dan ekonomi yang berhubung rapat dengan penduduk yang belum berkahwin pada umur 25-29 dan 30-34 tahun (Tan *et al.* 1988). Hasil kajian menunjukkan kelewatan perkahwinan berlaku ketika kegawatan ekonomi kerana wanita yang berpendidikan lebih daripada tujuh tahun, muda dan tinggal di bandar cenderung untuk berkahwin lewat (Tan *et al.* 1988). Manakala, perkadaran bagi mereka yang belum berkahwin pula didapati telah meningkat sekali ganda dalam tempoh tiga dekad tersebut (Tey 2007). Dapatan daripada Laporan Banci Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 1991 dan 2000 seperti pada Jadual 1 menunjukkan terdapat kecenderungan untuk berkahwin lewat dalam kalangan wanita bagi hampir kesemua bangsa, min umur pada perkahwinan pertama semakin meningkat pada tahun

2000 berbanding sepuluh tahun sebelumnya. Wanita kaum Cina merekodkan min umur pada perkahwinan pertama yang tertinggi diikuti oleh wanita kaum India dan Melayu.

Jadual 1: Min umur pada perkahwinan pertama bagi wanita di Malaysia

Tahun	Melayu	Cina	India	Bangsa-bangsa Lain
1991	24.6	26.3	25.5	24.0
2000	24.8	27.0	25.4	24.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (1991 & 2005)

Dalam makalah ini, penyelidik mengkaji trend kenupsialan, secara spesifiknya aspek himpitan perkahwinan bagi wanita di Malaysia memandangkan ia memberi kesan langsung kepada negara dari segi pertahanan, ekonomi dan sumber tenaga buruh. Untuk mencapai objektif ini, penyelidik membandingkan wanita berkahwin dengan wanita tidak berkahwin dari segi ciri-ciri demografi dan sosioekonomi. Penyelidik juga mengkaji jika wujud himpitan perkahwinan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini dalam kalangan wanita Malaysia.

2. Kaedah dan Skop Kajian

Data kajian diambil daripada LPPKN (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia 1995) berdasarkan tinjauan 1994/1995 serta data perangkaan tahun 1991 dan 2000 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia 1991; 2005). Bagi data LPPKN, maklumat diambil daripada 6015 buah isi-rumah meliputi lelaki dan wanita yang berada dalam isi-rumah yang sama. Bagi responden wanita, daripada 6590 orang responden, 2352 orang ialah responden wanita belum pernah berkahwin berumur antara 15 dan 75 tahun manakala 4238 orang lagi ialah wanita berkahwin, umur perkahwinan pertama mereka tertabur di antara 11 hingga 47 tahun. Wanita belum berkahwin merujuk kepada mereka yang tidak pernah berkahwin sebelum dan semasa tinjauan berjalan. Wanita berkahwin pula terdiri daripada wanita yang sedang dan masih berkahwin kali pertama sahaja.

Menggunakan statistik perihalan, siasatan awal dijalankan untuk melihat kesamaan atau perbezaan di antara kedua-dua kumpulan wanita ini dari segi demografi dan sosioekonomi seperti etnik, status dan jenis pekerjaan, tempat tinggal, taraf pendidikan dan jenis keluarga. Kemudian, diukur sama ada himpitan perkahwinan wujud di antara wanita dan lelaki belum berkahwin di Semenanjung Malaysia. Menurut kebiasaan kebanyakan masyarakat di Asia, dijangkakan bahawa umur pasangan lelaki adalah lebih tinggi daripada pasangan wanita. Oleh itu, pasangan lelaki akan selalu berada dalam kohort awal berbanding dengan pasangan wanita. Bagi tujuan ini, pengiraan NP bagi selang umur yang sama dan selang umur berbeza sebanyak lima tahun bagi wanita dan lelaki belum berkahwin digunakan,

$$NP_1 = \frac{F_{A-B}^{NM}}{M_{A-B}^{NM}} \times 100 \quad (1)$$

dan

$$NP_2 = \frac{F_{A-B}^{NM}}{M_{(A+5)-(B+5)}^{NM}} \times 100 \quad (2)$$

dengan

F_{A-B}^{NM} : bilangan wanita belum berkahwin (NM) berumur A hingga B,

M_{A-B}^{NM} : bilangan lelaki belum berkahwin berumur A hingga B, dan

$M_{(A+5)-(B+5)}^{NM}$: bilangan lelaki belum berkahwin berumur (A+5) hingga (B+5) tahun.

Apabila nilai yang diperoleh melebihi 100, ini menunjukkan bilangan wanita belum berkahwin lebih ramai daripada bilangan lelaki belum berkahwin dalam selang umur tertentu. Apabila bilangan lelaki dan wanita adalah hampir sama, nisbah ini akan menghampiri nilai 100.

Data ini kemudian dipadankan dengan model logistik regresi untuk menentukan faktor yang menyumbang kepada kelewatan perkahwinan dalam kalangan wanita Semenanjung Malaysia bagi tahun 1994/95. Wanita belum berkahwin dikodkan sebagai "1" sebagai pemboleh ubah bersandar manakala faktor-faktor etnik, status dan jenis pekerjaan, tempat tinggal, taraf pendidikan dan jenis keluarga yang telah dinyatakan sebelum ini diambil sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Model regresi logistik yang dipadankan ialah

$$\ln\left(\frac{\pi}{1-\pi}\right) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \dots + \beta_6 X_6, \quad (3)$$

juga ditulis sebagai

$$\pi = \frac{\exp(\beta_0 + \beta_1 X_1 + \dots + \beta_6 X_6)}{1 + \exp(\beta_0 + \beta_1 X_1 + \dots + \beta_6 X_6)}. \quad (4)$$

3. Dapatan Kajian

3.1. Profil kumpulan wanita belum berkahwin dan berkahwin

Jadual 2 menunjukkan maklumat demografi dan sosioekonomi kedua-dua kumpulan wanita belum dan telah berkahwin. Terdapat perbezaan yang ketara pada hampir kesemua ciri-ciri yang disenaraikan. Bagi faktor etnik, peratusan wanita Melayu berkahwin adalah lebih tinggi berbanding dengan wanita Melayu belum berkahwin. Manakala bagi kaum Cina dan India pula menunjukkan keputusan yang bertentangan. Seterusnya, dilihat lebih ramai wanita telah berkahwin menerima pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja. Bagaimanapun, peratusan wanita belum berkahwin yang belajar hingga ke sekolah menengah dan kolej atau universiti adalah hampir dua kali ganda lebih tinggi daripada wanita telah berkahwin. Perkara yang sama dapat dilihat pada latar belakang tempat tinggal. Secara keseluruhannya, majoriti (94.6%) daripada wanita belum berkahwin tinggal di bandar dan kota-kota metropolitan berbanding dengan wanita berkahwin yang tinggal di luar bandar. Dari segi taraf pekerjaan bagi wanita berkahwin, peratusan wanita yang tidak bekerja adalah hampir menyamai peratusan wanita yang bekerja. Fenomenon yang berbeza dilihat pada kumpulan wanita belum berkahwin; peratusan wanita bekerjanya adalah empat kali ganda lebih tinggi daripada wanita tidak bekerja.

Jadual 2: Profil wanita Malaysia yang belum berkahwin dan berkahwin

Pemboleh ubah	Wanita Berkahwin (%)	Wanita Belum Berkahwin (%)
Etnik		
Melayu	62.2	54.3
Cina	26.1	31.6
India	11.7	14.1
Taraf Pendidikan		
Sek. rendah	37.8	9.8
Sek. menengah	46.4	72.5
Kolej/Univ	7.8	14.2
Tiada maklumat	8.0	3.5
Pekerjaan		
Tidak bekerja	48.9	14.7
Pekerja	51.0	58.3
Majikan	0.1	27.0
Tempat Tinggal		
Luar bandar	40.4	5.4
Bandar	23.0	50.4
Metropolitan	36.6	44.2

Sumber: LPPKN (1995)

3.2. Himpitan perkahwinan

Jadual 3: Nisbah jantina bagi penduduk belum berkahwin tahun 1994/1995 di Semenanjung Malaysia

Umur	Bil. Wanita	Bil. Lelaki	NP_1	NP_2
15 – 19	1149	1147	100.2	123.4
20 – 24	614	931	66.0	113.1
25 – 29	292	543	53.8	142.4
30 – 34	110	205	53.7	117.0
35 – 39	76	94	80.9	190.0
40 – 44	56	40	140.0	233.3
45 – 49	23	24	95.8	54.8
≥ 50	32	42	-	-

Sumber: LPPKN (1995)

Keputusan dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa kekurangan lelaki yang belum berkahwin wujud dalam selang umur 15 – 44 tahun bagi kumpulan NP_2 (perbezaan umur lelaki lima tahun). Ketakseimbangan yang paling serius berlaku pada kumpulan wanita yang berada dalam selang umur 40 – 44 tahun diikuti oleh wanita dalam selang umur 35 -39 tahun. Kedua-dua kumpulan ini menunjukkan nisbah jantina adalah dua orang wanita bagi setiap lelaki yang berumur lima tahun lebih tua. Seperti NP_2 , kumpulan NP_1 juga mengalami masalah kekurangan lelaki pada selang umur 40-44 tahun. Bagaimanapun, terdapat keseimbangan jantina pada kumpulan umur 20-39 tahun, iaitu wanita dalam kumpulan ini tidak menghadapi masalah jika memilih pasangan daripada kumpulan umur yang sama.

Jadual 4 menunjukkan nisbah jantina di Malaysia pada tahun 1991 dan 2000 berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia 1991; 2005).

Keputusan yang diperoleh menyerupai dapatan daripada data LPPKN di Jadual 3. Nilai NP_2 untuk kedua-dua tahun 1991 dan 2000 menunjukkan terdapat kekurangan bilangan lelaki per wanita jika wanita ingin memilih pasangan yang lebih berusia daripada mereka. Kumpulan umur yang paling serius berlaku himpitan perkahwinan ialah kategori umur lewat berkahwin 40 – 49 tahun, iaitu 1.5 orang lelaki perlu bersaing untuk mencari pasangan wanita yang berumur 5 tahun lebih muda daripada mereka. Bagaimanapun, wanita tidak mempunyai masalah untuk mendapat pasangan jika pasangan dipilih daripada kumpulan umur yang sama kerana bilangan wanita yang lebih rendah daripada lelaki dalam kumpulan umur tersebut. Ini jelas terutama bagi mereka yang berada dalam selang umur 25 – 29 dan 30 – 34 tahun.

Jadual 4: Nisbah jantina bagi penduduk belum berkahwin tahun 1991 dan 2000 di Malaysia

Umur	$NP_2(1991)$	$NP_2(2000)$	$NP_1(1991)$	$NP_1(2000)$
15 – 19	128.3	120.1	94.7	94.2
20 – 24	136.1	133.0	75.1	76.5
25 – 29	146.9	125.0	56.5	53.0
30 – 34	152.0	104.9	63.8	49.7
35 – 39	164.7	115.1	80.4	61.0
40 – 44	197.3	142.9	95.8	77.2
45 – 49	131.2	154.2	93.3	91.4
≥ 50	-	-	-	-

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (1991 & 2005)

3.3. Regresi logistik

Jadual 5: Anggaran parameter dan nisbah ods

Pemboleh ubah	Parameter	Ralat Piawai	Statistik Wald	Darjah Kebebasan	Nilai-p	Nisbah Ods
Pemalar	-4.220	0.144	858.817	1	0.000	0.015
Etnik			26.570	2	0.000	
Melayu	0	-	-	-	-	1.000
India	0.413	0.101	16.792	1	0.000	1.512
Cina	0.310	0.074	17.719	1	0.000	1.363
Pendidikan			523.838	2	0.000	
Rendah	0	-	-	-	-	1.000
Menengah	1.988	0.095	438.958	1	0.000	7.298
Kolej/Univ	2.675	0.130	422.053	1	0.000	14.513
Pekerjaan			57.483	2	0.000	
Tidak bekerja	0	-	-	-	-	1.000
Pekerja	-0.148	0.078	3.643	1	0.056	0.862
Majikan	-1.088	0.145	56.655	1	0.000	0.337
Tempat Tinggal			573.325	2	0.000	
Luar bandar	0	-	-	-	-	1.000
Bandar	2.719	0.115	560.549	1	0.000	15.169
Metropolitan	1.805	0.112	259.500	1	0.000	6.079
Jenis Keluarga			70.237	2	0.000	
Sendiri	0	-	-	-	-	1.000
Asas	3.833	0.460	69.407	1	0.000	46.193
Luas	0.122	0.072	2.873	1	0.000	1.129
Umur			100.368	2	0.000	
< 25	0	-	-	-	-	1.000
25-35	-1.115	0.083	1.920	1	0.000	0.891
> 35	4.187	0.429	95.225	1	0.000	65.818

Jadual 6: Anggaran model regresi logistik dengan kesan interaksi pemboleh ubah penerang

Pemboleh ubah	Parameter	Ralat Piawai	Statistik Wald	Darjah Kebebasan	Nilai- <i>p</i>	Nisbah Ods
Pemalar	-7.322	.290	638.747	1	.000	
Etnik			64.253	2	.000	1.000
Melayu	0	-	-	-	-	3.698
India	1.301	.226	33.392	1	.000	2.587
Cina	0.951	.141	45.178	1	.000	
Pendidikan			398.645	2	.000	1.000
Rendah	0	-	-	-	-	65.631
Menengah	4.184	.230	330.397	1	.000	549.876
Kolej/Univ	6.31	.357	312.427	1	.000	
Pekerjaan			170.604	2	.000	1.000
Tidak bekerja	0	-	-	-	-	23.758
Pekerja	3.168	.261	147.317	1	.000	62.750
Majikan	4.139	.401	106.621	1	.000	
Tempat Tinggal			368.976	2	.000	1.000
Luar bandar	0	-	-	-	-	29.944
Bandar	3.399	.178	368.888	1	.000	14.754
Metropolitan	2.691	.174	240.107	1	.000	
Jenis Keluarga			76.733	2	.000	1.000
Sendiri	0	-	-	-	-	40.873
Asas	3.71	.465	63.624	1	.000	1.422
Luas	0.352	.079	19.782	1	.000	
Umur			98.559	2	.000	1.000
< 25	0	-	-	-	-	8.080
25-35	2.089	.224	86.767	1	.000	33.860
> 35	3.522	.644	29.946	1	.000	
Pekerjaan* Pendidikan			257.338	4	.000	.036
Pekerja*Menengah	-3.332	.260	164.125	1	.000	.006
Pekerja*Kolej/Univ	-5.091	.390	170.424	1	.000	.006
Majikan* Menengah	-5.132	.428	143.573	1	.000	.001
Majikan*Kolej/Univ	-7.255	.629	133.093	1	.000	
Etnik*Pekerjaan			39.847	4	.000	.306
India*Pekerja	-1.184	.258	21.019	1	.000	.250
India*Majikan	-1.387	.449	9.544	1	.002	.431
Cina*Pekerja	-0.842	.172	23.995	1	.000	.340
Cina*Majikan	-1.078	.325	10.999	1	.001	

Nota: Nilai sifar untuk parameter interaksi bagi 'Tidak Bekerja', 'Melayu', 'Pendidikan Rendah', 'umur 25' dan 'Luar bandar'.


Jadual 5 menunjukkan semua pemboleh ubah yang dipertimbangkan memberikan kesan yang signifikan ke atas nisbah ods untuk tidak berkahwin. Kemungkinan untuk wanita India memilih untuk tidak berkahwin adalah 1.5 kali lebih tinggi dan wanita Cina pula adalah sekitar 1.3 kali lebih tinggi, berbanding dengan wanita Melayu. Faktor umur turut memainkan peranan penting, iaitu wanita yang berusia melebihi 35 tahun adalah 66 kali lebih berkemungkinan untuk tidak berkahwin berbanding dengan wanita muda yang berumur kurang daripada 25 tahun. Dari aspek pendidikan pula, semakin tinggi tahap pendidikan berpendidikan peringkat kolej atau universiti adalah 14 kali lebih berkemungkinan untuk tidak berkahwin berbanding dengan wanita yang hanya memiliki pendidikan peringkat rendah. Kesan status pekerjaan adalah bercanggah dengan jangkakan awal kajian. Data ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara wanita yang bekerja ataupun tidak bekerja (nilai-*p* > 0.05). Bagaimanapun, kemungkinan untuk tidak berkahwin adalah lebih rendah dalam kalangan wanita yang bekerja sendiri berbanding dengan wanita tidak bekerja. Ekoran

daripada dapatan ini, kesan interaksi status pekerjaan dan pemboleh ubah lain dilihat. Model dengan interaksi ditunjukkan dalam Jadual 6.

Setelah interaksi dimasukkan ke dalam model, kesan status pekerjaan telah berubah. Didapati wanita bekerja adalah hampir 24 kali lebih berkemungkinan untuk tidak berkahwin berbanding dengan wanita yang tidak bekerja. Manakala bagi wanita yang memiliki perniagaan sendiri adalah 63 kali lebih berkemungkinan. Keputusan ini selaras dengan jangkaan awal kajian.


Seterusnya dilihat bagaimana kesan status pekerjaan berubah mengikut pemboleh ubah yang lain. Seperti dalam Jadual 6, interaksi antara pekerjaan dengan tahap pendidikan serta etnik adalah bererti (nilai- $p < 0.05$). Ini bermakna kesan status pekerjaan ke atas status perkahwinan, berubah mengikut etnik dan tahap pendidikan. Dalam keadaan ini, tahap pendidikan dan etnik boleh dilihat sebagai 'moderator', suatu peranan yang berupaya mengubah kesan pemboleh ubah penerang (status pekerjaan) ke atas pemboleh ubah bersandar. Untuk memudahkan tafsiran dan perbincangan, Rajah 1 sehingga Rajah 3 memaparkan plot bagi nilai logit padanan bagi model dalam Jadual 6.

Rajah 1 menunjukkan kesan status pekerjaan ke atas logit belum berkahwin mengikut kumpulan etnik. Secara keseluruhan, nilai logit (dengan itu, nisbah ods) adalah paling tinggi bagi wanita yang memiliki perniagaan sendiri, diikuti wanita bekerja, dan paling rendah dalam kalangan wanita yang tidak bekerja. Bagaimanapun, tiga garisan yang tidak selari itu mencadangkan perubahan nilai logit padanan adalah tidak sama bagi ketiga-tiga golongan tersebut. Bagi wanita tidak bekerja, kaum India mencatatkan nilai logit paling tinggi, diikuti oleh Cina dan Melayu. Bagi golongan pekerja dan majikan pula, nilai logit tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.




Rajah 1: Model logit bagi status belum berkahwin dengan interaksi antara status pekerjaan dan etnik

Rajah 2 menunjukkan perubahan kesan status pekerjaan ke atas nilai logit belum berkahwin merentasi tahap pendidikan. Bagi wanita berpendidikan rendah, bentuk hubungan antara status pekerjaan dengan nilai logit adalah hampir sama dengan yang didapati daripada Rajah 1. Nilai logit padanan adalah paling tinggi bagi wanita yang memiliki perniagaan sendiri, diikuti pekerja dan paling rendah bagi wanita tidak bekerja. Arah hubungan yang bertentangan ditunjukkan oleh wanita berpendidikan peringkat menengah dan kolej atau universiti.



Rajah 2: Model logit bagi status belum berkahwin dengan interaksi antara status pekerjaan dan tahap pendidikan



Rajah 3: Model logit bagi status belum berkahwin dengan interaksi antara status pekerjaan dan tahap pendidikan serta etnik (Simbol bagi tahap pendidikan: R:Rendah, M:Menengah, K:Kolej/Universiti)

Rajah 3 pula memaparkan nilai logit padanan apabila kedua-dua kesan interaksi diambil kira. Tiga garis teratas mewakili wanita berpendidikan kolej atau universiti dari ketiga-tiga kumpulan etnik yang dikaji. Nilai logit padanan bagi wanita tidak bekerja didapati paling tinggi, diikuti golongan pekerja dan majikan. Perubahan paling ketara ditunjukkan oleh etnik India dan Cina. Bagi wanita dengan pendidikan sekolah menengah, arah hubungan yang sama ditunjukkan, namun saiznya lebih kecil berbanding dengan wanita yang berpendidikan lebih tinggi. Arah hubungan yang bertentangan ditunjukkan oleh wanita berpendidikan rendah daripada ketiga-tiga kumpulan etnik. Bagi golongan ini, majikan mencatatkan nilai logit padanan yang paling tinggi, diikuti pekerja dan wanita yang tidak bekerja.

4. Kesimpulan

Data tinjauan dan data banci menunjukkan kewujudan himpitan perkahwinan bagi wanita Malaysia sekiranya mereka memilih untuk mendapatkan pasangan yang lebih berusia daripada mereka. Bagaimanapun, keadaan ini tidak berlaku jika wanita memilih pasangan daripada kumpulan umur yang sama.

Status perkahwinan pula didapati dipengaruhi oleh status pekerjaan, tahap pendidikan dan kumpulan etnik. Bagi wanita berpendidikan sekolah rendah, mereka yang bekerja sendiri adalah lebih berkemungkinan untuk lewat berkahwin, diikuti oleh golongan pekerja dan mereka yang tidak bekerja. Bagi ketiga-tiga kumpulan etnik utama di Malaysia, bentuk hubungan adalah hampir sama bagi kesemua kumpulan, namun wanita Melayu mencatatkan perbezaan paling ketara merentasi status pekerjaan. Fenomenon yang sebaliknya ditunjukkan oleh wanita yang mempunyai pendidikan peringkat menengah serta kolej atau universiti; wanita tidak bekerja adalah paling berkemungkinan untuk lewat berkahwin, diikuti golongan pekerja dan seterusnya majikan.

Rujukan

- Akers D.S. 1967. On measuring the marriage squeeze. *Demography* 4(2): 907-924.
- Guttentag M. & Secord P.F. 1983. *Too Many Women? The Sex Ratio Question*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1991. *Laporan Am Banci Penduduk Daerah Pentadbiran 1991*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2005. *Laporan Am Banci Penduduk Daerah Pentadbiran 2000*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kiecolt K.J. & Fossett M.A. 1997. Mate availability and marriage among African Americans. *African American Research Perspectives* 3(2): 12-18.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia. 1995. *Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia. 1999. *Profil Keluarga*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia. 2000. *Perkahwinan & Kestabilan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.
- Oppenheimer V.K. 1988. A theory of marriage timing. *American Journal of Sociology* 94(3): 563-591.
- Quah S.R. 2003. *Major Trends Affecting Families in East and Southeast Asia*. New York: United Nations.
- Samaiyar P. 2004. Marriage squeeze and variations in marriage pattern: A state level study. Master Thesis. International Institute for Population Sciences.
- Saxena P.C., Andrez K. & Rozzet J. 2004. Nuptiality transition and marriage squeeze in Lebanon: consequences of sixteen years of civil war. *Journal of Comparative Family Studies* 35(2): 241-258.
- Syed Abdul Razak S.M. 2009. Perubahan struktur umur penduduk: Impak dan cabaran kepada pembangunan negara. Dlm. Mohd. Fauzi Yaacob (pnyt.) *Malaysia: Transformasi dan Perubahan Sosial*. 191-206. Shah Alam: Arah Publications.
- Tan P.C. & Jones G.J. 1990. Changing patterns of marriage and household formation in Peninsular Malaysia. *Journal of Social Issues in Southeast Asia* 5(2): 163-193.

Trend kenupsialan wanita di Semenanjung Malaysia: Satu kajian dari aspek himpitan perkahwinan

- Tan P.C., Tan B.A., Tey N.P., Kwok K.K. & Subbiah M. 1988. *A Cohort Analysis of Recent Changes in Nuptiality Patterns in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.
- Tey N.P. 2007. Trends in delayed and non-marriage in Peninsular Malaysia. *Asian Population Studies* 3(3): 243-261.

*Pusat Pengajian Sains Matematik
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor DE, MALAYSIA
Mel-e: zmarina@ukm.my*

